

PROPOSAL

BAKAT MUDA SEZAMAN

2021

Karya Instalasi
"Red Dining"

Muhammad Hassanuddin Bin Yusof

1. Kertas Kerja Cadangan & Rasional Karya

1.1 Pendahuluan

Kertas kerja ini adalah cadangan bagi penyertaan Bakat Muda Sezaman 2021, isu yang di ketengahkan adalah berkaitan dengan rasuah yang menjadi topik utama dan mendapat perhatian pelbagai pihak, tidak kira di dalam negara mahupun antarabangsa.

Sehubungan dengan itu isu ini menjadi agenda utama pengkarya dalam menyampaikan mesej kepada masyarakat secara visual sekaligus meningkat kesedaran rasuah dikalangan masyarakat mahupun kakitangan kerajaan dalam membenters dan menangani isu ini.

Selain daripada itu ini adalah satu inisiatif pengkarya dalam industri seni tanah air bagi membantu menyedarkan masyarakat tentang masalah sejagat ini.

1.2 Penerangan Idea

Rasuah adalah salah satu masalah global yang berlaku di mana – mana tanpa mengira kedudukan dan pangkat. Rasuah boleh di tafsirkan sebagai penerimaan atau pemberian **suapan** sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.

Pengkarya melihat isu rasuah ini boleh diterjemahkan dalam bentuk perlambangan melalui konsep suapan secara visual dengan membuat karya yang berbentuk instalasi bagi menjadi medium penyampaian kepada masyarakat di sekeliling.


Suapan boleh datang dalam pelbagai bentuk samada dalam bentuk wang, hadiah, pinjaman, , cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta , sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat yang seumpama seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 1 –Permulaan, Seksyen 3, Tafsiran Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Jika dilihat maksud suapan **سوافن** dari segi makna mengikut (**Kamus Dewan Edisi Keempat**) adalah :-

1. **apa-apa yg disuapkan:** tiap-tiap ~ itu harus dipaksa-paksa utk ditelan.
2. wang rasuah, sogokan.
3. (Kej) bahan yg dimasukkan ke dlm **sesuatu peralatan unit operasi** utk diproses bagi **mendapatkan hasil**.

Karya ini mempunyai pelbagai variasi size dan dimensi seperti contoh penggunaan media elektronik dan muzik, serta 2 dimensi dan 3 dimensi berikut adalah cadangan karya instalasi :-

	Jenis	Dimensi
Karya 1	Utama	3 dimensi
Karya 2		2 dimensi
Karya 3		2 dimensi
Karya 4	Sokongan	2 dimensi
Karya 5(Tambahan)	Media dan elektronik	2 dimensi



Cadangan Lokasi

Bagi menyahut seruan pihak pengurusan pertandingan pengkarya telah memilih ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia , Putrajaya (SPRM) bagi mempamerkan karya ini. Antara faktor pemilihan lokasi tersebut adalah kerana ingin memberi impak yang besar terhadap isu yang dibawa selain itu faktor tempat yang relevan dan bersesuaian dengan isu . Disamping itu juga ia memberi kesedaran dan memupuk integriti yang tinggi terhadap penjawat awam yang berada disekeliling mahupun masyarakat diluar. Seperti mana yang kita sedar bahawa terdapat pelbagai kempen untuk memerangi rasuah yang telah dilakukan sebelum ini , oleh yang demikian ini adalah salah satu tambahan atau inisiatif bagi memerangi rasuah melalui visual yang mampu menarik orang ramai dengan kelainan penyampaian isu pada karya .

1.3 Penelitian Idea

Penggunaan konsep suapan di terjemahkan melalui semiotik iaitu penggunaan objek (tanda) terhadap isu rasuah iaitu sudu dan garfu atau sesuatu peralatan /unit operasi bagi makanan atau santapan yang melambangkan suapan. Setiap suapan yang dikendalikan oleh sudu emas mempunyai nilai yang tertentu dengan kadar tertentu yang dimasukan kedalam mulut untuk diproses.

Penyusunan sudu dan garfu mengikut etika makan atau perlambangan/Bahasa isyarat kepada pemberi. Susunan di atas meja makan yang dihidangkan dengan pelbagai habuan menjelaskan bagaimana nafsu keinginan penerima rasuah berlaku.



Etika Makanan / Bahasa Isyarat

Olahan instalasi turut disertakan dengan karya sokongan berkenaan dengan isu rasuah yang akan memenuhi ruang sekaligus mencipta satu suasana ruang makan yang bertaraf tinggi dengan gubahan yang menggambarkan keadaan yang penuh dengan kemewayaan namun terdapat naratif penceritaan tentang isu rasuah yang membelenggu negara.

Disamping itu juga penggunaan warna emas sebagai perinsip penegasan dalam karya oleh kerana secara semulajadinya ia mampu menarik minat orang ramai dan keinginan semulajadi manusia sehingga terjadilah makan suap atau pun rasuah yang didorong sifat tamak.

Selain itu ia juga karya ini memberi makna dalam persoalan-persoalan sosial, politik dan hal isu lain yang bersifat kontemporer diangkat dalam konsep seni instalasi ini . Seni instalasi dalam konteks visual merupakan perupaan yang menyajikan visual tiga dimensional yang memperhitungkan elemen-elemen ruang, waktu, ataupun muzik.

Hasil karya juga akan di adaptasi dari sumber atau fakta kes rekod jenayah rasuah daripada Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu pengukuhan dan kefahaman karya utama.

Data yang dapat dari sumber SPRM

Objektif utama inisiatif ini adalah untuk menunjukkan langkah-langkah pencegahan dan memberikan petunjuk yang jelas bahawa perang telah diisytiharkan terhadap rasuah, Pangkalan Data ini berkhidmat sebagai satu alat kesedaran yang penting untuk membantu orang awam dan organisasi dalam melaksanakan proses penyelidikan dan penilaian sebelum mengambil, melantik atau menaikkan pangkat pekerja mereka.

Penafian: "Maklumat yang disediakan untuk rujukan am sahaja. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kesilapan dalam atau ketinggalan."

2020
Semua
Kata Kunci
Jantina
Penjawat Awam

Warganegara
CARIAN
SET SEMULA
STATISTIK

Aminul bin Selamat
790812-12-XXXX
Malaysia

Shamsul Adli bin Mohd Ali
770906-14-XXXX
Malaysia

Munawer bin Hasan
850802-02-XXXX
Malaysia

Nur Azuana binti Slamet
880703-12-XXXX
Malaysia

Tertuduh Tengku Adnan Bin Tengku Mansor
No Pengenalan Diri 50122004XXXX
Jantina Lelaki
Warganegara Malaysia
Negeri W.P Kuala Lumpur
Kategori Penjawat Awam
Majikan Parlimen
Jawatan Bekas Menteri Wilayah Persekutuan
Mahkamah 1. Mahkamah Tinggi Jenayah 2 Kuala Lumpur
Hakim 1. Y.A. Tuan Mohamed Zaini bin Mazlan
Timbalan Pendakwa Raya / Pegawai Pendakwa 1. Pasukan AGC Puan Julia Ibrahim (Ketua)
Peguam Bela 1. Satha & Co dan Tan Hock Chuan & Co
Sabitan Lampau
Tarikh Jatuh Hukuman 2020-12-21
Rayuan Sedang Dirayu

#	No Kes	Ringkasan Pertuduhan	Kesalahan	Hukuman
1	WA-45-1-04/2018	Bahawa kamu, pada 14 Jun 2016, di CIMB Bank Berhad, Cawangan Pusat Bandar Damansara, Kuala Lumpur, telah melakukan kesalahan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan.	Seksyen 165 Kanun Keseksaan	(12) Dua belas bulan penjara dan denda (2) dua juta

#	No Kes	Ringkasan Pertuduhan	Kesalahan	Hukuman
1	WA-45-2-07/2018, WA-45-3-07/2018 & WA-45-5-08/2018	PERTUDUHAN PINDAAN Antara 17 Ogos 2011 dan 8 Februari 2012, di Pejabat Perdana Menteri, Presint 1, Putrajaya, sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia, telah menggunakan jawatan untuk suapan bagi diri kamu berjumlah RM42, 000,000.00 apabila telah terlibat dalam keputusan bagi pihak Kerajaan Malaysia untuk memberi pinjaman kerajaan bagi pinjaman-pinjaman berjumlah RM4, 000, 000, 000.00 daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) kepada SRC International Sdn. Bhd.	1. Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 2. Seksyen 409 Kanun Keseksaan 3. Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001	PERTUDUHAN PINDAAN Penjara 12 tahun dan denda RM210, 000, 000.00 (jika gagal bayar 5 tahun penjara) PERTUDUHAN PINDAAN KEDUA KEPADA PERTUDUHAN PERTAMA HINGGA KETIGA Penjara 10 tahun bagi setiap pertuduhan PERTUDUHAN KEEMPAT HINGGA KEENAM Penjara 10 tahun bagi setiap pertuduhan Hukuman penjara berjalan serentak
2		PERTUDUHAN PINDAAN KEDUA KEPADA PERTUDUHAN PERTAMA Antara 24 Disember 2014 dan 29 Disember 2014, di AmlIslamic Bank Berhad, Bangunan AmBank Group, Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia dan Advisor Emeritus SRC International Sdn. Bhd. (SRC), diamanahkan dengan penguasaan ke atas wang milik SRC, telah melakukan pecah amanah jenayah terhadap wang sejumlah RM27, 000, 000.00.		
3		PERTUDUHAN PINDAAN KEDUA KEPADA PERTUDUHAN KEDUA Antara 24 Disember 2014 dan 29 Disember 2014, di AmlIslamic Bank		

1.4 Pernyataan Karya

Bertitik tolak dari isu rasuah yang mengemparkan negara berkenaan rasuah membabitkan golongan elit sejak tahun 2018 hingga kini. Berdasarkan laporan statistik rasuah di dalam negara pada tahun 2020 , operasi tangkapan dilakukan SPRM sejak Januari hingga Ogos tahun berkenaan berjumlah 662 tangkapan dan terdiri daripada 299 orang daripada sektor penjawat awam (**pengurusan tertinggi**, pengurusan profesional dan sokongan) serta 363 orang daripada sektor awam (swasta, orang awam dan lain-lain).

Pernyataan yang ingin disampaikan pada karya instalasi ini berkaitan **makan suap** atau **suapan** dimana ianya memberi maksud yang terperinci. Makan suap ataupun suapan boleh dijadikan sebagai tanda dan makna atau bentuk dan isi yang di kupaskan pada karya instalasi melalui susunan atau struktur dengan konsep utama (suapan) .

Instalasi karya ini dilihat sebagai keseluruhan yang membentuk sistem dengan komponen – komponen dalam sistem saling berkait dan ditentukan oleh keseluruhan sistem. Oleh itu kepelbagaian variasi karya yang ditampilkan mempunyai kaitanyang membentuk satu konsep(sistem). Kesedaran terhadap rasuah di wujudkan dengan menguna pakai teori semiotik dimana pengkarya memodifikasi pemikiran masyarakat dengan menanda, sudu dan garfu yang berkilaun menjadi unit untuk memproses suapan bagi memenuhi fitrah dan nafsu makan untuk seluruh manusia di muka bumi ini.

Perbuatan dan turutan rasuah di sampaikan dengan kepelbagaian medium dan manipulasi sifat bahan bagi menyantuni isu yang ingin disampaikan dengan penuh makna yang tersurat mahupun tersirat dari pelbagai perspektif individu yang melihat dan menilainya.

Rasuah juga bukannya kerana kuasa tetapi kerana ketakutan. Takut akan ketiadaan kuasa yang digunakannya serta kebimbangan kehilangan kuasa kepada sesiapa yang memerlukan. Datangnya tanpa diundang, Namun perginya tidak pula dihalang. Desakan suapan demi suapan. Menyentuh nilai kejujuran. Apabila kekayaan, ketamakan dan kemewahan menguasai diri insan rasuah dijadikan amalan. Dikaburkan mata disebalik bayangan emas dan permata .Berbillion nilai suapan diperoleh dengan serta merta tanpa memikirkan kesan. Amanah dimamah, diratah hingga hancur punah kepada sebuah harapan yang di berikan . Diterimanya dan menerima tanpa ada rasa gundah dan bersalah asalkan diri bertambah megah.


2. Senarai bahan dan kelengkapan

Teknik	Bahan	Alatan
Silkscreen	Gold Leaf	Meja bulat
Stencil	Akrilik	Pinggan & kelengkapan penyajian
Image transfer	Bitumen	Lampu
Catan	Gam	Berus
Lukisan	Kain (merah)	TV
	Plat Besi	Speaker

3. Manual Pemasangan Karya

Tiada pemasangan secara kekal diperlukan , sila rujuk lampiran perincian karya bagi susunan dan aturan.

Lampiran proses pembuatan dan kajian bahan



Karya Rujukan

Rujukan 1

Joseph Kosuth

Year : 1965.

Wood folding chair, mounted photograph of a chair, and mounted photographic enlargement of the dictionary definition of "chair", Chair 32 3/8 x 14 7/8 x 20 7/8" (82 x 37.8 x 53 cm), photographic panel 36 x 24 1/8" (91.5 x 61.1 cm), text panel 24 x 30" (61 x 76.2 cm)



Rujukan 2

Adeela Sulaiman



ADEELA SULEMAN

B. 1970, KARACHI, PAKISTAN
LIVES AND WORKS IN KARACHI, PAKISTAN

Dread of Not Night 1, 3, 4, 7-9, 2015, 2016

Blood Stains the Soil 1, 2016

Hand-carved wood, found vintage ceramic plates with enamel paint, hardener and lacquer
Various dimensions

Dread of Not Night 1 & Blood Stains the Soil 1

Collection of Taimur Hassan

Dread of Not Night 3

Private collection

Dread of Not Night 4

Collection of Shehnaz and Maya Ismail

Dread of Not Night 7-9

Collection of the Artist, Singapore Biennale 2016 Commission

In Suleman's decorative, stylised paintings on found ceramic plates mounted on elaborately carved wooden frames, she uses the images of Persian and Mughal miniature painting to create a critical visual vocabulary for her contemporary narratives. While the traditional miniaturist's repertoire consisted of idyllic landscapes and courtly scenes, Suleman's works are replete with the imagery of bloodshed, death and violence. The fragile plates mirror and enframe scenes of war, violent killings, combat and destruction. Violence and the memory of violence, the artist reiterates, is deeply embedded in our psyches, our bodies and our landscapes. Commenting on the gem-like quality of her disturbing images, the artist says violence has always been closely connected with beauty. Consider that Islamic arms and armour – objects of violence – were decorated using the most sophisticated techniques of gilding, inlay, and gold and silver encrusting. In Suleman's words, "The more heinous the crime, the more beautiful the object needs to be."

PLEASE NOTE: This artwork contains images which some viewers may find distressing. Viewer discretion is advised.

Rujukan 3

Montien Boonma

Year : 1993

"The Pleasure of Being, Crying, Dying and Eating"

Variable dimension

